



MALAYSIA

# Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 42  
No. 1

1hb Januari 1998

TAMBAHAN No. 1  
PERUNDANGAN (A)

**P.U. (A) 1.**

**AKTA PEMBANGUNAN SUKAN 1997**

**PERATURAN-PERATURAN PEMBANGUNAN SUKAN  
(PENDAFTARAN BADAN SUKAN) 1998**

## SUSUNAN PERATURAN

### Peraturan

1. Nama.
2. Tarikh mula berkuat kuasa.
3. Tafsiran.
4. Permohonan bagi pendaftaran.
5. Pengakuteraan penerimaan.
6. Perakuan pendaftaran.
7. Pemberitahuan keengganan untuk mendaftarkan badan sukan.
8. Pemberitahuan pembatalan atau penggantungan pendaftaran.
9. Permohonan bagi pembatalan pendaftaran.
10. Cara mendedahkan maklumat, dsb.
11. Menandatangani borang, dsb.
12. Fi.

JADUAL.

## AKTA PEMBANGUNAN SUKAN 1997

PERATURAN-PERATURAN PEMBANGUNAN SUKAN  
(PENDAFTARAN BADAN SUKAN) 1998

*Akta 576.* PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 26 dan 38 Akta Pembangunan Sukan 1997, Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

*Nama.* 1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pembangunan Sukan (Pendaftaran Badan Sukan) 1998.**

*Tarikh mula berkuat kuasa.* 2. Peraturan-Peraturan ini hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 1998.

*Tafsiran.* 3. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Borang” ertinya borang yang berkenaan yang dinyatakan dalam Jadual;

“pemegang jawatan utama”, berhubungan dengan sesuatu badan sukan, ertinya mana-mana orang yang melaksanakan fungsi presiden, pengerusi, timbalan presiden, timbalan pengerusi, naib presiden, naib pengerusi, bendahari atau setiausaha, sama ada dikenali dengan nama itu atau tidak.

*Permohonan bagi pendaftaran.*

4. (1) Tiap-tiap permohonan bagi pendaftaran sesuatu badan sukan di bawah seksyen 15 atau 16 Akta hendaklah dibuat dalam enam salinan dalam Borang 1 dan setiap salinan hendaklah ditandatangani oleh dua orang pemegang jawatan utama badan sukan itu.

(2) Tiap-tiap permohonan bagi pendaftaran hendaklah disertai dengan—

(a) sampul surat berselem yang beralamat sendiri berserta pengakuteraan penerimaan, yang tak bertarikh dan tak bertandatangan tetapi yang selainnya telah diisi, dalam Borang 2;

(b) enam salinan senarai pemegang jawatan badan sukan itu yang mengandungi butir-butir yang berikut:

(i) nama, termasuk nama samaran jika ada, nombor kad pengenalan, tarikh lahir, tempat lahir, alamat rumah dan pekerjaan pemegang jawatan; dan

(ii) nama dan alamat majikan pemegang jawatan; dan

(c) enam salinan perlembagaan atau kaedah-kaedah badan sukan itu dalam Bahasa Malaysia atau Inggeris, setiap salinan itu hendaklah diperakui oleh dua orang pemegang jawatan utama badan sukan itu.

5. Apabila diterima permohonan bagi pendaftaran sesuatu badan sukan, Pesuruhjaya hendaklah menghantar pengakuteraan penerimaan dalam Borang 2 kepada badan sukan itu. Pengakuteraan penerimaan.
6. Perakuan pendaftaran yang dikeluarkan oleh Pesuruhjaya di bawah seksyen 18 Akta hendaklah dalam Borang 3. Perakuan pendaftaran.
7. Pemberitahuan keputusan Pesuruhjaya untuk enggan mendaftarkan sesuatu badan sukan di bawah seksyen 17 Akta hendaklah dalam Borang 4. Pemberitahuan keengganan untuk mendaftarkan badan sukan.
8. Pemberitahuan keputusan Pesuruhjaya untuk membatalkan atau menggantung pendaftaran sesuatu badan sukan di bawah seksyen 20 Akta hendaklah dalam Borang 5. Pemberitahuan pembatalan atau pengantungan pendaftaran.
9. Tiap-tiap permohonan bagi pembatalan pendaftaran sesuatu badan sukan atas pembubaran badan sukan itu hendaklah dibuat dalam dua salinan dalam Borang 6 dan hendaklah ditandatangani oleh sekurang-kurangnya seorang pemegang jawatan utama dan hendaklah disertai dengan keterangan bahawa sekurang-kurangnya dua pertiga daripada anggota badan sukan itu telah bersetuju dengan pembubaran itu. Permohonan bagi pembatalan pendaftaran.
10. (1) Apa-apa maklumat yang didedahkan kepada Pesuruhjaya di bawah seksyen 12 Akta hendaklah dalam tiga salinan dalam apa-apa bentuk yang dikehendaki oleh Pesuruhjaya. Cara mendedahkan maklumat, dsb.
- (2) Apa-apa laporan atau dokumen yang dikemukakan di bawah seksyen 12 Akta hendaklah dalam tiga salinan dalam apa-apa bentuk yang dikehendaki oleh Pesuruhjaya.
- (3) Tiap-tiap salinan maklumat, laporan atau dokumen itu hendaklah ditandatangani oleh dua orang pemegang jawatan utama badan sukan dan dalam hal sesuatu cawangan, hendaklah juga ditandatangani balas oleh seorang pemegang jawatan utama badan sukan induk.
11. Jika apa-apa borang, maklumat, laporan atau dokumen dikehendaki ditandatangani oleh seorang pemegang jawatan utama atau lebih sesuatu badan sukan, nama dan jawatan yang dipegang oleh penandatangan itu sebagaimana yang terdapat dalam kad pengenalnya berserta nombor kad pengenalnya hendaklah ditaip atau ditulis dalam huruf besar dengan jelas di bawah atau di sebelah tandatangannya; dan dalam hal seorang bukan pemastautin, namanya sebagaimana yang terdapat dalam pasportnya berserta nombor pasportnya. Menandatangani borang, dsb.
12. (1) Fi sebanyak lima puluh ringgit hendaklah dikenakan bagi permohonan bagi pendaftaran sesuatu badan sukan di bawah Akta. Fi.
- (2) Fi itu boleh dibayar secara tunai atau dalam bentuk cek bank, wang pos atau kiriman wang yang dibayar kepada Pesuruhjaya Sukan dan Pesuruhjaya hendaklah mengaku terima penerimaan fi itu.

**JADUAL**  
(Peraturan 4, 5, 6, 7, 8 dan 9)

**BORANG 1**

**MALAYSIA**

**AKTA PEMBANGUNAN SUKAN 1997**

**PERATURAN-PERATURAN PEMBANGUNAN SUKAN (PENDAFTARAN  
BADAN SUKAN) 1998**

**PERMOHONAN BAGI PENDAFTARAN BADAN SUKAN**

Kepada:

Pesuruhjaya Sukan

Seperti yang dikehendaki oleh seksyen \*15/16 Akta Pembangunan Sukan 1997, kami dengan ini membuat permohonan bagi pendaftaran badan sukan sebagaimana butir-butir di bawah.

1. Butir-butir badan sukan:

(1) Nama:.....  
.....

(2) Alamat:

(a) Tempat perniagaan: .....  
.....  
.....

(b) Alamat pos: .....  
.....

(3) Sukan: .....

(4) Peringkat perwakilan atau pengelola: .....

(5) Penubuhan badan sukan (Lampirkan dua salinan minit mesyuarat sulung—  
sila lihat huraian 3):

(a) Tarikh penubuhan: .....

(b) Bilangan orang yang menghadiri mesyuarat sulung: .....

(6) Bilangan kini anggota dalam daftar anggota:  
.....

(7) (a) Pernahkah badan sukan didaftarkan sebelum ini di bawah Akta  
Pertubuhan 1966 atau Akta Pembangunan Sukan 1997? .....

(b) Nombor pendaftaran dahulu (jika ada):  
.....

(8) Adakah badan sukan akan memakai apa-apa bendera, lambang, lencana  
atau warna atau apa-apa tanda yang lain (lihat huraian 4)?

(9) Jumlah wang—

- (a) yang telah diterima dalam 2 tahun yang lepas: .....
- (b) yang telah dibelanjakan dalam 2 tahun yang lepas: .....
- (c) yang merupakan baki ditangan sekarang: .....
- (d) yang merupakan bagi di bank: .....  
dan nama bank: .....

(10) Tahun kewangan bermula pada..... setiap tahun.

(11) Butir-butir syer, debentur, amanah saham atau pelaburan lain yang serupa yang dipegang:

<i>Jenis</i>	<i>Syarikat/Dana</i>	<i>Amaun</i>	<i>Dipegang sejak</i>
--------------	----------------------	--------------	-----------------------

.....	.....	.....	.....
.....	.....	.....	.....

(Lampirkan dua salinan fotostat sebagai bukti pelaburan)

(12) Butir-butir harta tak alih yang dipunyai dan/atau dipajak/dipajak kecil:

<i>Tempat</i>	<i>No. hakmilik</i>	<i>Maksud harta digunakan (lihat huraian 5)</i>
---------------	---------------------	---

.....	.....	.....
.....	.....	.....

(Lampirkan dua salinan fotostat dokumen hakmilik harta tak alih)

2. Sampul surat berselem yang beralamat sendiri dan pengakuteraan penerimaan dikemukakan bersama ini.
3. Enam salinan senarai pemegang jawatan badan sukan yang mengandungi butir-butir yang berikut dikemukakan bersama ini.  
  
(Nama (termasuk nama samaran, jika ada), nombor kad pengenalan, tarikh lahir, tempat lahir, alamat rumah dan pekerjaan pemegang jawatan dan nama dan alamat majikan pemegang jawatan - lihat huraian 6).
4. Enam salinan diperakui perlembagaan/kaedah-kaedah\* badan sukan dalam Bahasa Malaysia atau Inggeris\* dikemukakan bersama ini (sila lihat huraian 7).
5. Kami memperakui bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami maklumat yang diberikan dalam borang permohonan ini adalah benar dan betul dalam setiap butir.

Bertarikh ..... haribulan ..... 19.....

Kami,

(Tandatangan) .....

(Nama) .....

(Jawatan) .....

(Tandatangan) .....

(Nama) .....

(Jawatan) .....

\*Potong jika tidak berkenaan.

HURAIAN

(Nota ini merupakan panduan am untuk mengisi borang ini. Jika bantuan selanjutnya diperlukan, sila dapatkan nasihat Pesuruhjaya atau mana-mana Penolong Pesuruhjaya).

1. Enam salinan borang dikehendaki, dan setiap salinan mestilah ditandatangani oleh mana-mana dua orang pemegang jawatan utama badan sukan. Pemegang jawatan utama ialah presiden, pengerusi, timbalan presiden, timbalan pengerusi, naib presiden, naib pengerusi, bendahari dan setiausaha.
2. Jika ruang yang terdapat pada borang tak mencukupi, maklumat yang dikehendaki perlu diberikan pada lembaran kertas tambahan yang hendaklah dilampirkan pada borang. Setiap lembaran tambahan mestilah ditandatangani oleh orang yang menandatangani borang.
3. Minit mesyuarat sulung mesti ditandatangani oleh dua orang pemegang jawatan utama badan sukan. Badan-badan sukan yang dahulunya didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 tidak perlu memberikan minit mesyuarat sulung.
4. Enam salinan faksimili bendera, lambang, lencana, atau warna atau tanda lain yang berwarna dan enam salinan makna bendera, lambang, lencana atau warna atau tanda lain itu mesti dilampirkan. Setiap salinan mesti ditandatangani oleh dua orang pemegang jawatan utama badan sukan.
5. Penjelasan ringkas hendaklah diberikan tentang maksud yang baginya harta digunakan, contohnya "kelab, "padang permainan". Jika badan sukan tidak mempunyai harta tak alih, perkataan 'TIADA' hendaklah ditulis pada bahagian borang ini.
6. Gunakan lembaran kertas yang berasingan untuk memberikan butir-butir pemegang jawatan. Tiap-tiap lembaran mesti ditandatangani oleh orang yang menandatangani borang.
7. Tiap-tiap salinan perlembagaan atau kaedah-kaedah mesti diperakui betul oleh dua orang pemegang jawatan utama badan sukan dengan mereka mengakusaksikan sedemikian pada muka surat akhir setiap salinan. Nama, dan jawatan yang dipegang oleh, pemegang jawatan yang berkenaan hendaklah ditaip atau ditulis dalam huruf besar dengan jelas di bawah atau di sebelah tandatangan mereka.

**BORANG 2**

**MALAYSIA**

**AKTA PEMBANGUNAN SUKAN 1997**

**PERATURAN-PERATURAN PEMBANGUNAN SUKAN (PENDAFTARAN BADAN SUKAN) 1998**

**PENGAKUTERIMAAN PENERIMAAN PERMOHONAN BAGI PENDAFTARAN**

Pesuruhjaya mengaku terima permohonan bagi pendaftaran di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997.....

(nama badan sukan)

bertarikh.....haribulan.....19..... dan akan memberitahu keputusan permohonan itu dalam masa yang sepatutnya.

Bertarikh.....haribulan ..... 19.....

*Pesuruhjaya Sukan  
Malaysia*

Kepada:

.....  
.....  
.....

Nota:

Sila ambil perhatian peruntukan Akta Pembangunan Sukan 1997 yang berikut:

Subseksyen 15(2)

Seksyen 16

Subseksyen 25(1)

Subseksyen 25(2)

Anda diminta mengaku terima penerimaan borang ini.

**BORANG 3**

**MALAYSIA**

**AKTA PEMBANGUNAN SUKAN 1997**

**PERATURAN-PERATURAN PEMBANGUNAN SUKAN (PENDAFTARAN  
BADAN SUKAN) 1998**

**PERAKUAN PENDAFTARAN**

Dengan ini diperakui bahawa.....

pada hari ini telah didaftarkan sebagai badan sukan di bawah seksyen 17  
Akta Pembangunan Sukan 1997 tertakluk kepada syarat-syarat yang  
berikut:.....

2. Nombor pendaftaran ialah.....

Ditandatangani sendiri..... haribulan.....19.....

*Pesuruhjaya Sukan  
Malaysia*

**BORANG 4**

**MALAYSIA**

**AKTA PEMBANGUNAN SUKAN 1997**

**PERATURAN-PERATURAN PEMBANGUNAN SUKAN (PENDAFTARAN  
BADAN SUKAN) 1998**

**PEMBERITAHUAN PENOLAKAN PENDAFTARAN BADAN SUKAN**

Kepada: .....

Dengan ini diberitahu bahawa permohonan anda bagi pendaftaran di bawah seksyen  
15/16\* Akta Pembangunan Sukan 1997 telah ditolak.....

*(perihal badan sukan)*

Bertarikh.....haribulan.....19.....

*Pesuruhjaya Sukan  
Malaysia*

Nota:

Di bawah seksyen 21 Akta Pembangunan Sukan 1997, mana-mana badan sukan yang terkilan dengan keputusan Pesuruhjaya boleh merayu terhadap keputusan itu kepada Menteri dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh pemberitahuan keputusan itu dan setelah dibayar fi yang ditetapkan.

\* Potong jika tidak berkenaan.

**BORANG-5**

**MALAYSIA**

**AKTA PEMBANGUNAN SUKAN 1997**

**PERATURAN-PERATURAN PEMBANGUNAN SUKAN (PENDAFTARAN  
BADAN SUKAN) 1998**

**PEMBERITAHUAN PEMBATALAN ATAU PENGGANTUNGAN  
PENDAFTARAN BADAN SUKAN**

Kepada:

.....  
.....  
.....

Dengan ini diberitahu bahawa pada menjalankan kuasa di bawah seksyen 20 Akta Pembangunan Sukan 1997, saya dengan ini \* membatalkan/menggantung pendaftaran

.....  
(nama badan sukan)

atas alasan bahawa badan sukan itu—

telah didaftarkan akibat daripada suatu fraud atau kesilapan atau salah nyataan dalam apa-apa perkara material;

telah tidak mematuhi mana-mana syarat yang dikenakan oleh Pesuruhjaya di bawah seksyen 18 Akta Pembangunan Sukan 1997 iaitu.....

telah melanggar mana-mana peruntukan Akta Pembangunan Sukan 1997 atau apa-apa peraturan yang dibuat di bawahnya iaitu.....

tidak aktif atau bukan lagi entiti yang patut dan wajar didaftarkan untuk mewakili sukannya di dalam mana-mana Negeri atau di Malaysia;

menghindar pembangunan sukan tertentu itu dan demi kepentingan awam pendaftarannya patut dibatalkan atau digantung;

tidak meremedikan, atau cuai untuk meremedikan, apa-apa salah amalan, salah laku atau luar aturan di pihak pemegang jawatannya atau anggotanya dalam tempoh yang ditentukan dalam notis bertulis yang diberikan oleh Pesuruhjaya;

tidak aktif, tidak bekerjasama, atau menjadi penghalang, dalam pelaksanaan peraturan, polisi atau garis panduan yang dibuat di bawah atau menurut kuasa di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997.

Bertarikh.....haribulan.....19.....

.....  
*Pesuruhjaya Sukan  
Malaysia*

## Nota:

Di bawah seksyen 21 Akta Pembangunan Sukan 1997, mana-mana badan sukan yang terkilang dengan keputusan Pesuruhjaya boleh merayu terhadap keputusan itu dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh pemberitahuan keputusan itu dan setelah dibayar fi yang ditetapkan.

\* Potong jika tidak berkenaan.

## BORANG 6

## MALAYSIA

## AKTA PEMBANGUNAN SUKAN 1997

PERATURAN-PERATURAN PEMBANGUNAN SUKAN (PENDAFTARAN  
BADAN SUKAN) 1998

## PERMOHONAN BAGI PEMBATALAN PENDAFTARAN

Nama badan sukan berdaftar:.....  
 .....  
 Nombor pendaftaran: .....  
 Alamat berdaftar: .....  
 Bertarikh.....haribulan.....19.....  
 Kepada Pesuruhjaya Sukan \* .....

Badan sukan yang tersebut di atas telah, pada suatu mesyuarat agung yang \*\* diadakan pada ..... haribulan.....19....., menetapkan seperti berikut:\*\*\*

Oleh yang demikian kami memohon supaya pendaftaran di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997 dibatalkan.

Perakuan pendaftaran no.....dikemukakan bersama-sama ini.

Kami memperakui bahawa pernyataan yang terkandung dalam permohonan ini adalah benar sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami.

Tandatangan pemegang jawatan utama 1. ....

Nama .....

No. kad pengenalan

.....

(Meterai badan sukan, jika ada) 2. ....

Nama .....

No. kad pengenalan

.....

3. ....

Nama .....

No. kad pengenalan

.....

4. ....

Nama .....

No. kad pengenalan .....

5. ....

Nama .....

No. kad pengenalan .....

6. ....

Nama .....

No. kad pengenalan .....

7. ....

Nama .....

No. kad pengenalan .....

8. ....

Nama .....

No. kad pengenalan .....

- \* Permohonan mestilah dialamatkan kepada Penolong Pesuruhjaya kawasan tempat terletaknya ibu pejabat badan sukan.
- \*\* Jika bukan mesyuarat agung, nyatakan dengan cara apa ketetapan dicapai
- \*\*\* Berikan salinan ketetapan yang sebenar.

Dibuat 30 Disember 1997.  
[KBS. BS. S. 004/157 Jld. II; PN. (PU<sup>2</sup>) 587.]

**TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN,**  
*Menteri Belia dan Sukan*